

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pemandu yang melanggar pelbagai peraturan jalan raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius kesalahan berulang terhadap mana-mana peraturan jalan raya yang berkuatkuasa. Hal ini sekiranya tidak dibendung dengan berkesan akan mengakibatkan risiko keselamatan kepada semua pengguna jalan raya sehingga boleh mengakibatkan kecederaan, kerosakan harta benda malah lebih buruk lagi sehingga boleh menyebabkan kematian.
2. Dalam menangani permasalahan berkenaan, MOT pada masa ini sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang Pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi mengemaskini hukuman bagi kesalahan serius atau kesalahan berulang. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menjadi satu bentuk pencegahan atau *deterrence* dan meningkatkan kesedaran kepada pesalah tegar untuk sentiasa mematuhi peraturan jalan raya seterusnya dapat meningkatkan keselamatan jalan raya secara keseluruhannya.
3. Selain itu, MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat tegas membendung kesalahan di jalan raya dengan sentiasa melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara bersepada dengan lebih kerap dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan pematuhan kepada peraturan atau perundangan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Sekian, terima kasih.